

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/12/2018

# Sasar lahir 10,000 lay kaunselor tahun depan

➔ 5,500 individu sudah dilatih bantu bendung masalah mental di negara ini

▮ Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kerajaan menyasarkan melahirkan 10,000 'lay kaunselor' pada tahun depan bagi membendung masalah mental yang semakin membimbangkan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, berkata setakat tahun ini, seramai 5,500 individu berjaya dilatih menjadi lay kaunselor dalam program berkonsepkan sukarelawan.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, mereka yang ingin menjadi lay kaunselor perlu melalui ujian saringan dan kursus selama tiga hari untuk mendapat sijil kelayakan.

"Pada tahun depan, kita akan

memperkasakan lagi program ini (lay kaunselor) untuk mengandakan jumlah yang ada kini," katanya selepas menghadiri Karnival Aspek Wanita Pandan dan Program Kembali Ke Sekolah di Kampung Pandan Dalam, di sini, semalam.

Program lay kaunselor yang bermula sejak 2015 dijalankan dengan kerjasama Lembaga Kaunselor Malaysia dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang berperanan memberikan khidmat nasihat serta bimbingan kepada ahli komuniti yang memerlukan.

## Serah cek sumbangan

Pada majlis itu, Dr Wan Azizah menyampaikan cek sumbangan kepada lima sekolah di Parlimen Pandan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Seraya yang menerima RM48,350; Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Muda (RM45,690); SK Taman Bukit Teratai (RM38,600); SK Tasek Permai, Ampang (RM34,900) dan SK Pandan Perdana (RM32,640) bagi penyenggaraan dan membaik pulih fasiliti serta kelengkapan sekolah, selain menyampaikan sumbangan kelengkapan persekolahan kepada 50 kanak-kanak di Parlimen ini.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, sehingga bulan lalu, seramai

26,601 wanita menerima manfaat program Wanita Anti Jenayah (WAJA), Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita, Meja Bulat Elimination of Violence Against Women (EVAW) dan Klinik Undang-undang.

Beliau berkata, program dilaksanakan JPW itu bertujuan memberi pendedahan dalam aspek perundangan, hak wanita dan maklumat saluran bantuan kepada wanita memerlukan.

Selain itu, katanya, kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan program pemerkasaan wanita bagi memastikan mereka menikmati kehidupan sejahtera dan boleh menyumbang aktif kepada pembangunan negara.

Antara program itu termasuk pengupayaan ekonomi wanita melalui kaedah *Community Based Enterprise* (CBE) yang dilaksanakan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di bawah JPW.

"Wanita termasuk suri rumah dan ibu tunggal berpendapatan rendah juga akan dibimbing pengusaha perniagaan, individu berkemahiran atau usahawan berjaya dalam bidang masing-masing supaya mampu menajana pendapatan melalui bidang usahawanan," katanya. **BERNAMA**



Mereka yang ingin jadi lay kaunselor perlu melalui ujian saringan dan kursus selama tiga hari untuk mendapat sijil kelayakan"

**Dr Wan Azizah Wan Ismail,**  
Timbalan  
Perdana Menteri

mp 7  
BH - 30/12/2018